

DIRI: SATU PEMAHAMAN FALSAFAH MUHAMMAD IQBĀL DALAM ‘ASRĀRĪ-KHŪDĪ’¹

Oleh:
Nor Raudah Siren

Abstract

This article tries to understand the philosophy of self of Muhammad Iqbal (1207 - 1273) based on the Malay version his important poem, Asrārī-Khūdī (Secret of Self).

“Tidak Aku jadikan manusia melainkan untuk menyimpan rahsia-Ku dan sesungguhnya manusia itu rahsia-Ku dan diri Akulah yang menjadi rahsiannya.” (Hadis Qudsi).

PENGENALAN

Mengenali diri, Rasulullah dan Allah akan membawa penjelasan dan pengetahuan tentang diri manusia yang penuh rahsia. Rahsia itu ialah diri batin yang menjadi rahsia diri zahir.

DIRI - perkataan yang ringkas tetapi mempunyai pengertian yang luas dan memerlukan penjelasan yang teliti. Rahsia-rahsia tentang diri terlalu banyak yang perlu diketahui oleh manusia. Manusia hanya akan mengenal diri dengan jalan ilmu dan pemikiran yang rasional. Apabila kita mengenal diri, asal kejadian, tujuan dijadikan, sifat-sifat kejadian diri, maka akan membawa kepada mengenal Tuhan yang Maha Pencipta terutamanya bagi manusia yang menggunakan akal fikirannya.

“Sesungguhnya pada kejadian semua langit dan bumi, dan pergantian malam dengan siang, adalah menjadi bukti bagi orang yang mempunyai sari fikiran.” (Surah Āli ‘Imran: ayat 191).

Kesungguhan akal berfikir akan menemukan rahsia alam, kejadian langit dan bumi, kejadian siang dan malam, soal makhluk hidup, dan segala kejadian di alam

¹ *Asrārī- Khūdī* merupakan karangan Muhammad Iqbal yang teks asalnya ditulis dalam bahasa Parsi.

maya ini. Penemuan rahsia alam akan meyakinkan kita bahawa insan adalah alam yang kecil dan alam adalah insan yang besar. Walau bagaimanapun terdapat juga manusia tidak dapat mengetahui perkara yang menjadi rahsia alam kerana masih belum memerdekakan akal fikirannya dan tidak menggunakan fikirannya untuk mencari hikmah dengan membuat penerokaan-penerokaan terhadap diri insan itu sendiri.

“Bacalah dengan nama Tuhan engkau yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah! Dan Tuhan engkau itu Maha Pemurah. Yang mengajarkan dengan pena. Mengajarkan kepada manusia apa yang belum diketahui.” (Surah al-‘Alaq: ayat 1-6).

Membaca merupakan cara terpenting untuk manusia menimba ilmu. Ilmu untuk mengenal diri yang hakiki akan diperoleh melalui proses penyucian diri. Diri zahir perlu disucikan sebersih-bersihnya sebelum kita dapat mengenali diri yang batin. Diri batin sentiasa berada di dalam diri zahir, tetapi terlindung di sebalik kekotoran diri yang zahir.

Allah pernah berfirman yang bermaksud:

“Maka beruntunglah bagi orang yang menyucikan dirinya.” (Surah Yūsof: ayat 53)

Kekotoran zahir menghalang kita mengenali diri yang batin. Kekotoran zahir berpunca daripada nafsu amarah, iaitu musuh atau tembok penghalang untuk kita mengenali diri. Nafsu amarah menjadikan diri bersikap keji, dengki, riak, sombong, takbur, ujub dan berada di tingkat nafsu yang terburuk.

Firman Allah bermaksud:

“Sesungguhnya nafsu amarah itu sentiasa menyuruh manusia berbuat keji (mungkar).” (Surah Yūsof: ayat 53).

Walaupun bagaimanapun terdapat cara untuk menghilangkan nafsu amarah itu iaitu dengan berzikir. Hal ini disebut oleh Rasulullah s.‘a.w dalam suatu hadis yang bermaksud, *“Sucikan hatimu dengan zikir.”*

Berzikir dengan mengingati Allah secara bersungguh-sungguh akan mengurangkan nafsu amarah dan akan mampu melihat diri, kenal dan tahu diri yang sebenar serta tahu hakikat diri sendiri. Apabila kita kenal diri, kita akan kenal Rasulullah dan apabila kenal Rasulullah, kita akan kenal Allah kerana Rasulullah memberi petunjuk untuk mengenal Allah.

Mengenali diri, Rasulullah dan Allah akan membawa penjelasan dan pengetahuan tentang diri manusia yang penuh rahsia. Rahsia itulah diri batin yang menjadi rahsia

diri zahir. Rahsia itulah juga yang dijelaskan melalui ungkapan bait-bait puisi Muhammad Iqbal melalui karyanya *Asrārī-Khūdī*.

MUHAMMAD IQBĀL DAN ASRĀRĪ- KHŪDĪ

Rahsia tentang diri ini diungkapkan oleh Muhammad Iqbal (1207 - 1273) dalam bukunya, *Asrārī-Khudi* (Rahsia-rahsia Diri) yang ditulis dalam bahasa Parsi. Falsafah Muhammad Iqbal tentang diri ini dibentuk sebagai titik permulaan dan asas pemikirannya. Falsafah diri membawa Iqbal menyelami bidang metafizik dengan jalan pandangan hati (*intuition*). Bagi Iqbal, diri adalah sesuatu yang hakiki dan wujud dalam keadaan haknya sendiri. Manusia boleh mengenali diri dengan pandangan hati secara langsung yang membawa manusia suatu kepercayaan bahawa pengalaman diri bukan sahaja dapat mengisbatkan hakikat diri, bahkan dapat menerangkan zat diri, keadaan atau tabi'inya. Dinyatakan oleh Iqbal bahawa:

Adalah tabiat Diri itu menzahirkan dirinya:
Dalam tiap-tiap zarah terpendam kekuasaan diri
Kuasa yang dinyatakan dan terpendam
Merantai keupayaan yang membawa kepada tindakan
Memandang nyawa alam ini datang dari kuasa diri.²

Kuasa mengenal diri itu menurut Iqbal datang daripada diri sendiri yang terpendam dan menanti untuk dibongkar dengan segala usaha diri sendiri. Tiada siapa yang akan berupaya menzahirkan diri yang terpendam di dalam diri yang menjadi kelebihan makhluk Allah yang bergelar manusia. Nilai manusia lebih tinggi dan lebih hakiki daripada semua makhluk lain. Oleh itu, diri menjadi pusat dalam semua kegiatan dan tindakan manusia.

Iqbal menyebut:
Subjek, objek, cara dan sebab
Semua ini adalah bentuk yang dipakai untuk maksud tindakan
Diri itu bangun, menyala, jatuh, bersinar, bernafas
Membakar, mengilau, berjalan dan terbang.³

Iqbal membahagikan kejadian manusia kepada empat proses kewujudan yang bermula secara alamiah, batiniyah, zahiriah dan reformasi. Bergerak dari sistem alam ini kejadian diri juga dianggap tercipta daripada bahan alam iaitu angin, air, tanah dan api.

² Muhammad Iqbal, *Rahsia-rahsia Diri (Asrārī-Khūdī)*, (terj.) Abdul Majid Haji Khatib, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 1986, hal. 10.

³ *Ibid*, hal. 10.

Itulah sebabnya manusia dibentuk dengan sifat-sifatnya yang tidak menentu aliran kehidupannya: lembut, keras, stabil, bergantung harap, pemaarah, bebas, berdisiplin dan jatuh; menyala, jatuh, bersinar, bernafas, membakar, mengilau, berjalan dan terbang.⁴

Allah menciptakan berbagai-bagai ragam sifat dan tabiat manusia dengan pelbagai permasalahan diri tersebut untuk menanamkan ketakwaan kepada hamba-Nya.

Bagi Iqbāl untuk menemukan ketakwaan terhadap yang Maha Agung, seseorang itu mesti menemukan diri terlebih dahulu. Di dalam proses menemukan diri, seseorang itu perlu mengalami tiga pengalaman penting, iaitu pengalaman deria, pengalaman fikiran dan pengalaman hati.⁵

Iqbāl menyebut:

Bentuk wujud ialah kesan diri

Apa sahaja anda lihat adalah rahsia diri

Apabila diri itu sedar,

Ia membukakan alam fikiran.

Seratus perkataan tersembunyi dalam patinya

Mengisbatkan diri memperlihatkan bukan diri.⁶

Pengalaman deria dilalui antaranya dengan mengamati apa yang didengar, dilihat dan dirasa. Semua itu akan mengalir di dalam dirinya untuk memikirkan makna dan tujuan kewujudan sesuatu itu. Semasa melalui pengalaman fikiran, seseorang itu perlu mempunyai ilmu pengetahuan dan berupaya melalui telahan imaginasi. Bagi Iqbāl ilmu pengetahuan sahaja tidak mampu untuk mengenal diri yang hakiki kerana dunia ini hanya bersifat sementara dan tidak kekal. Oleh itu, pemahaman terhadap alam dengan lebih kekal ialah melalui pengalaman hati (kerohanian) dan akan menerangkan kewujudan Tuhan, hakikat diri, kebebasan dan kekekalannya. Falsafah Iqbāl ini dianggap bercorak keagamaan dan pandangan hati itu lebih kepada bentuk intuisi.

Pengalaman intuisi secara langsung akan menyelami dasar wujud dan hakikat diri ini di samping memahami 'satu dalam banyak' dan 'banyak dalam satu'. Pemahaman ke arah hakikat diri itu perlu dilihat satu-persatu ibarat melihat ombak yang bergulung-gulung yang tidak dapat dipisahkan antara satu dengan yang lain.

⁴ *Ibid*, hal. 10.

⁵ Ishrat Hasan, *Metafisik Iqbal*, (terj.) Abdul Majid Haji Khatib, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1976, hal. 10 - 17.

⁶ *Op.cit*, hal. 11.

Bagi Iqbāl, diri adalah sesuatu yang hakiki dan wujud dalam keadaan haknya sendiri. Manusia boleh mengenali diri dengan pandangan hati secara langsung yang membawa manusia suatu kepercayaan bahawa pengalaman diri bukan sahaja dapat mengisbatkan hakikat diri, bahkan dapat menerangkan zat diri, keadaan atau tabi'inya. Ia dijelaskan oleh Iqbāl bahawa;

Adalah tabiat diri itu menzahirkan dirinya:

Dalam tiap-tiap zarah terpendam kekuasaan diri

Kuasa yang dinyatakan dan terpendam merantaikan keupayaan yang membawa
Kepada tindakan

Membawa nyawa alam

Ini datang dari kuasa diri⁷

Kuasa untuk mengenal diri itu, menurut Iqbāl datang daripada diri sendiri yang terpendam dan menanti untuk dibongkar dengan segala usaha diri sendiri. Tiada siapa yang akan berupaya menzahirkan diri orang lain melainkan diri sendiri. Keupayaan manusia menzahirkan diri yang terpendam di dalam diri merupakan satu pengurniaan dan kelebihan makhluk Allah yang bergelar manusia. Nilai manusia lebih tinggi dan lebih hakiki daripada semua makhluk lain. Oleh itu, diri menjadi pusat dalam semua kegiatan dan tindakan manusia.

Pusat diri sebenarnya adalah teras peribadi yang dinamakan ego. Ego itulah yang bekerja apabila kita berasa suka atau benci, menghakimkan sesuatu atau membuat keputusan. Ego sebenarnya wujud dan hakiki yang bukan khayalan atau tanggapan sahaja. Ego melihat diri itu sendiri secara langsung dengan jalan pandangan intuisi. Menurut Dr. Ishrat Hasan Enver, hanya hatilah yang meyakinkan tentang wujudnya hakikat diri itu.⁸

DIRI: PENGERTIAN HARFIAH

Manusia diciptakan sebagai pelengkap untuk menjalankan visi suci yang diamanahkan oleh Allah, iaitu sebagai hamba dan khalifah. Oleh itu mengenali diri akan dapat mendekatkan diri kita kepada Pencipta dan merapatkan hubungan sesama insan.

Diri, di dalam *Kamus Dewan* ialah batang tubuh, orang seorang, empunya badan (peribadi), sendiri (bukan orang lain), badan sendiri.⁹ Penjelasan secara harafiah tentang diri ini menunjukkan diri yang dimaksudkan ialah diri manusia itu sendiri.

⁷ *Ibid*, hal. 10.

⁸ *Op.cit*, Ishrat Hasan Enver, hal. 34.

⁹ *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hal. 286.

Hanya manusia mempunyai diri kerana adanya kendiri (peribadi), sedangkan haiwan melakukan tindakan bukan berasaskan akal tetapi nafsu. Oleh itu haiwan tidak boleh dinilai kendirinya.

Di dalam bahasa Arab, diri disebut sebagai *nafs*, iaitu nyawa, jiwa, orang, selera, nafsu, mahu, kehendak, usaha dan rajin, hemah, diri seorang, sombong, zat sesuatu atau dirinya.¹⁰ Ini bermakna diri bukan sahaja dari makna zahir sahaja tetapi termasuk dalam pengistilahan diri yang batin, keinginan serta peribadi atau tingkah laku seseorang.

Di dalam bahasa Inggeris, diri disebut sebagai *self*, iaitu “*one’s own; one’s own person or interest; all the qualities that make person to be different from other; a part of person’s character*”.¹¹ *Self* yang dimaksudkan di sini ialah diri yang mempunyai kegemaran, kemahiran, dan keperibadian yang membezakan manusia dengan makhluk lain di alam ini.

Diri juga membawa maksud yang sama dengan peribadi dalam bahasa Indonesia iaitu dari perkataan ‘prij’ (kesakitan/pedih) dan ‘badani’ (badan). Peribadi hanya menjelaskan konsep kesakitan dan percubaan (usaha atau ikhtiar) yang dilakukan oleh tingkah laku seseorang.¹²

Bahasa Latin pula melihat diri berasal dari perkataan ‘*persona*’ yang bermaksud topeng muka atau sandiwara atau penyamaran diri dan personaliti seluruh keupayaan dan aktiviti seseorang. Ini bermakna, manusia sering cuba mengemukakan dan menonjolkan perkara-perkara yang baik dan menyembunyikan perkara-perkara yang buruk tentang dirinya sehingga mereka sanggup menyamar.¹³

Iqbāl menyebut diri sebagai *khūdī* (bahasa Parsi), iaitu amal (*action*) yang menempuh jalan melintasi segala macam kesulitan, hambatan dan aral melintang. Tuhan menjelmakan sifat-Nya bukan pada benda, tetapi kepada diri (manusia).¹⁴ Secara keseluruhan, diri hanya memberi tumpuan kepada manusia kerana hanya manusia yang mempunyai keperibadian yang tidak dimiliki oleh binatang yang hanya dikurniakan nafsu. Oleh itu manusia yang benar-benar satu atau ke‘satu’annya

¹⁰ *Kamus Idrīs al-Marbawī*, Darul Fikir, Kuala Lumpur, hal. 334.

¹¹ Milon Nandy, *Kamus Anglophone Intermediate*, Kuala Lumpur: Anglophone (M) Sdn. Bhd, t.th, hal. 340.

¹² S. Takdir Alisjahbana, *Values as Intergrating Forces In Personality: Society and Culture*, Kuala Lumpur: UM Press, 1974, hal. 16.

¹³ *Ibid*, hal. 16.

¹⁴ Iqbāl, *Asrārī-Khūdī*, Pustaka Islam, Djakarta, 1953, hal. 19.

berdasarkan kepada ke'satu'annya yang berbudi dan berkehendak yang bersifat insani (mempunyai nafsu dan akal).

Menurut Kant (1788):

Human being are irreplaceable and in being irreplaceable they are capable of suffering and of facing death consciously. They are selves; they are ends in themselves.¹⁵

Setiap individu manusia berbeza antara satu sama lain. Manusia itu bersifat tersendiri walaupun mempunyai unsur yang sama antara seseorang dengan seseorang yang lain. Namun secara keseluruhannya, mereka tidak serupa. Keadaan ini terjadi kerana setiap manusia mempunyai personaliti yang tersendiri dan berbeza dengan manusia lain.

Gordon Allport (1961) melihat personaliti manusia sebagai penyusunan sistem-sistem psikofizikal yang dinamik di dalam diri individu yang menentukan ciri-ciri tingkah laku, pemikiran dan penyesuaian di alam sekelilingnya. Dinamik di sini bermaksud personaliti manusia itu akan terus berkembang dan berubah. Ini dapat dikesan dengan melihat personaliti individu semasa kecil dan akan berubah sesudah dewasa sama ada dari segi pemikiran (kerohanian) dan anggota tubuhnya (kejasmaniannya). Seseorang akan menemui personalitinya dengan menjalani penyesuaian dengan alam sekeliling melalui pengalaman dan pengamatannya.¹⁶

Secara umumnya, pengertian diri itu dapat dilihat sebagai prinsip tindakan manusia yang insani dengan keadaan daya tahu dan daya mahunya sendiri dalam bentuk rohani dan jasmani.

DIRI: MARTABAT MANUSIAWI

Allah mengajar Adam 'a.s dan para malaikat tentang semua nama *al-musammiyāt* (iaitu benda-benda). Walau bagaimanapun para malaikat tetap tidak mengetahui nama-nama benda tersebut, sedangkan Nabi Adam a.s dapat menyebut satu persatu. Ini bermakna hanya manusia makhluk Allah yang dikurniakan ilmu dan hikmah. Tetapi mengapakah manusia dikurniakan ilmu dan hikmah sedangkan malaikat tidak? Pengurniaan akal menjadikan manusia itu menjadi mudah menerima ilmu dan boleh menyampaikan ilmunya. Manusia dapat mengingat dan berfikir bagaimana mahu memajukan dirinya. Jiwa dan fikiran manusia dapat dibentuk melalui saluran-saluran

¹⁵ Karl R. Popper and John C. Eccless, *The Self and Its Brains*, Germany: Springer International, 1977, hal. 3.

¹⁶ IR. Poedjawijata, *Manusia dengan Alamnya (Filosofi Manusia)*, Jakarta: Bina Aksara, 1983, hal. 125 - 129.

ilmu pengetahuan, sedangkan malaikat hanya diberi ketaatan yang *total*. Mereka tidak boleh berfikir atau memberi pandangan, bahkan tidak mempunyai perasaan.

Walau bagaimanapun manusia tetap dilahirkan tidak sempurna kerana terdiri dari unsur roh dan *māddah* (benda). Roh ialah yang wujud di dalam jiwa dan akal, *māddah* terdapat di dalam jasad.¹⁷ Roh wujud di dalam jiwa dan akal yang bersifat kekal telah wujud sejak azali lagi. Sifatnya tidak akan berubah sejak azali hinggalah selamanya dan tidak akan terikat dengan perubahan masa dan zaman. Tetapi tubuh atau jasad mempunyai batasan dan tempat, berkembang biak dan berakhir dengan kematian, kehancuran dan kemusnahan. Jasad hanya boleh bergerak dalam batas waktu dan tempat dan jasad termasuk di alam kebendaan yang tidak mempunyai kesempurnaan.

Manusia yang dilahirkan secara tidak sempurna ini dikurniakan oleh Allah kekuatan yang meningkatkan martabatnya sebagai insan yang termulia iaitu kekuatan syahwah, marah dan kekuatan akal.¹⁸

- a) Kekuatan syahwah ialah keinginan yang boleh membawa manusia kepada kedudukan terendah kerana keinginan nafsunya terhadap keduniaan yang disifatkan berpusat di perut dan di bawah perut. Keinginan yang berpusat di perut ialah apa sahaja keinginan yang boleh memenuhi tuntutan perut sama ada kekayaan, kemewahan, makanan, minuman, keuntungan dan segala nikmat zahiriah. Keinginan bawah perut pula ialah keinginan terhadap tuntutan nafsu batiniahnya seperti seks, kasih sayang dan cinta. Walau bagaimanapun, kekuatan syahwah akan menzahirkan seorang manusia yang pemaaf dan sederhana jika mampu mengawal syahwah serta mampu menahan gejala jiwa daripada bergantung semata-mata dengan kelazatan syahwah sahaja.
- b) Kekuatan amarah merupakan tingkat kekuatan kedua yang mendorong manusia ke arah pembunuhan, peperangan dan pertahanan. Pusatnya di hati (jantung) atau dada. Sifat ini akan dapat melahirkan sifat berani (*al-shajā'ah*) dan mendorong semangat jihad serta sikap suka mempertahankan hak diri, keluarga dan masyarakat.
- c) Kekuatan akal berada di tempat tertinggi kerana dengan kekuatan ini, manusia akan sentiasa terdorong untuk berfikir dan memerhatikan serta mengkaji sesuatu. Tempat kekuatan ini berpusat di kepala atau otak. Keistimewaan kekuatan ini akan menjadikan manusia mampu melahirkan sifat hikmah yang dapat membimbing manusia untuk mengenali hakikat diri dan hakikat Tuhan.

¹⁷ Mohd. Ali Abu Bakar, *Kejadian Manusia dan Perjuangan Hidup*, Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, Kota Bharu, 1986, hal. 6.

¹⁸ *Ibid*, hal 7.

Ketiga-tiga kekuatan yang ada dalam diri manusia ini akan bertarung sebagai ujian daripada Tuhan untuk melihat keimanan dan ketakwaan hamba-Nya. Jika ada kekuatan yang dominan atau melebihi kekuatan yang lain, kekuatan itulah yang memerintah dan menentukan tingkah laku serta keputusan manusia ke arah matlamat yang tertentu. Walau bagaimanapun keseimbangan dalam membina ketiga-tiga kekuatan ini akan melahirkan manusia yang rasional, berani dan bertanggungjawab.

Iqbal mengatakan:

Dengan benih pertentangan

Disemai dalam perkataan:

Disangkanya dirinya lain daripada dirinya

Dijadikan daripada dirinya bentuk-bentuk yang lain

Agar memperbanyakkan lagi keseronokan pecah-belah

Iaitu membunuh dengan kekuatan tangannya

Agar ia sedar akan kekuatannya.

Penipuan dirinya itu adalah pati hidup;

Ibarat ros, ia hidup dengan memandikan dirinya dalam darah

Kerana untuk sekuntum ros ia

Membinasakan seratus taman ros

Dan membuat seratus tangisan untuk mencari satu irama.¹⁹

Melalui puisi Iqbal tersebut di atas, kita dapat melihat bagaimana perangai manusia yang sanggup bertumpah darah semata-mata untuk memperolehi kesenangan hidup dan kenikmatan syahwah, sedangkan kenikmatan itu hanya akan menjanjikan tangisan dan kedukaanestapaan bukan sahaja kepada orang lain bahkan kepada diri sendiri, *kerana sekuntum ros ia membinasakan seratus taman ros dan membuat seratus tangisan untuk mencari satu irama.*

Tetapi, apabila akal menjadi juara, akan wujud pula cara hidup yang berperaturan, lahir segala kebaikan dan akan wujud kesempurnaan antara ketiga-tiga kekuatan tersebut. Ini kerana setiap langkah yang diatur akan ditentukan oleh akal dan biasanya akal menuju ke arah kebaikan, bukan kemusnahan. Iqbal mengakui:

Jikalah tepi berlian itu tahan dirinya

Ianya tidak akan luka,

Tetapi oleh kerana nilainya datang dari ukiran hiasannya

Bahunya digariskan oleh beban nama yang lain

Kerana bumi ini teguh pada dasarnya sendiri

¹⁹ *Op.cit*, Muhammad Iqbal, hal. 9.

Bulan mengelilinginya sentiasa
Matahari itu lebih kuat dirinya daripada bumi;
Oleh itu bumi merasa takjub terhadap matahari
Kegemilangan pokok hutan yang merah menarik pandangan kita;
Gunung itu bertambah hebat oleh kegemilangannya:
Pakaiannya ialah tenunan api,
Asalnya ialah satu biji benih isbat diri
Apabila hidup mengumpulkan kekuatan dari diri
Sungai hidup membesar jadi lautan.²⁰

Kekuatan akal ibarat berlian yang kuat dan kukuh dalam bentuknya. Manusia akan menemui kejatuhan kerana kerakusan nafsu syahwahnya sehingga mengetepikan hak-hak kemanusiaan. Oleh itu Iqbāl menyarankan agar dibina suatu kekuatan diri, iaitu dengan memperkuat iman kepada Allah. Inilah kekuatan yang benar-benar kukuh dan hebat sebagaimana matahari, bumi, gunung, pokok hutan dan sungai. Dengan cara ini manusia akan mampu menebus kembali kehilangan dan kejatuhan yang dialaminya.

Bagi Iqbāl, martabat diri ditentukan oleh keluasan memperkembangkan diri dan penguasaan seseorang terhadap lingkungannya, *sungai hidup membesar jadi lautan*. Ini bererti, orang yang melakukan tindakan yang tidak baik tentu mempunyai penyakit jiwa, tidak tenteram dan jiwanya tidak stabil.²¹ Kegiatan manusia dilingkungi oleh darjah jiwa manusia yang berbeza-beza, iaitu jiwa sejahtera, jiwa yang berusaha memperbaiki diri dan jiwa yang cenderung kepada kejahatan.²²

a) Jiwa sejahtera, iaitu jiwa yang sentiasa cenderung untuk melakukan amal perbuatan yang baik. Manusia ini akan menuruti, mentaati dan bertanggungjawab kepada amanah Allah sesuai dengan janjinya kepada Allah sejak di alam roh lagi.

“Sesungguhnya Kami kemukakan tanggungjawab amanah kepada langit dan bumi serta gunung-ganang, maka semuanya enggan untuk memikulnya dan khuatir akan mengkhianatinya dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya.” (Surah al-Ahzab: ayat 72).

Manusia diberi tanggungjawab untuk memikul amanah daripada Allah. Kesanggupan inilah yang meletakkan manusia di tempat yang mulia dan sebaik-baik

²⁰ *Ibid*, hal. 11-12.

²¹ *Op.cit*, Iqbāl, hal. 20.

²² Zulkifli Daud, *Kita Pelajar Bermotivasi*, Penang: Q Prime Learning Performance, 1992, hal. 77.

kejadian atau ciptaan. Bagi Iqbal, amanah yang ditunaikan dan ketaatan kepada perintah Allah ini kerana lahirnya cinta yang berkekalan di dalam jiwa manusia;

Titik yang bercahaya yang namanya ialah diri
Adalah bunga api hidup di bawah debu kita
Dengan cinta ia lebih berkekalan
Lebih cergas, lebih membakar, lebih bersinar
Dari cinta bermula kegemilangan wujudnya
Dan pembangunan kemungkinannya yang tidak diketahui
Keadaannya mengumpul api dari cinta
Cinta mengarahnya menyinari dunia
Cinta tidak takut pedang atau keris
Cinta bukan dilahirkan dari air dan udara dan tanah
Cinta mengadakan damai dan perang dalam dunia
Cinta ialah pancuran hidup
Cinta ialah pedang mati yang berkilauan.²³

Pengaruh cinta yang bernaung di dalam jiwa mempunyai peranan yang besar dalam membentuk tingkah laku manusia. Manusia sanggup membuat apa sahaja dan sanggup berkorban walaupun nyawa demi mempertahankan cintanya kepada Allah.

b) Jiwa yang berusaha memperbaiki diri. Kehidupan di dunia ini penuh dengan pancaroba hidup yang pelbagai. Jika terlalai akan mengakibatkan kelukaan dan kecederaan. Tetapi di samping lalai, jiwa manusia mampu sedar kembali dan berusaha mencari jalan pulang atau berusaha memperbaiki kesalahan dan kelemahannya. Iqbal menasihatkan manusia agar sentiasa mengawasi diri serta berhati-hati dalam melakukan sesuatu:

Jiwamu hanya mempedulikan dirinya saja,
Seperti unta: Ia bangga bersendiri
Memerintah bersendiri dan berkemahuan sendiri
Jadilah seorang manusia, pegang talinya
Agar anda jadi mutiara meskipun anda
Hanya labu tanah
Siapa yang tidak memerintah dirinya
Menjadi penerima perintah dari orang lain.²⁴

²³ *Op.cit*, Muhammad Iqbal, hal. 17.

²⁴ *Ibid*, hal. 45.

Keinginan dan keputusan terletak di tangan manusia itu sendiri sama ada untuk menjadi manusia yang bermaruah atau sebaliknya kerana jika manusia berjaya memerintah dirinya, orang lain tidak akan berjaya menghambakannya terutama syaitan laknatullah.

c) Jiwa manusia juga turut cenderung membuat amalan kejahatan atau perbuatan yang tidak baik yang boleh merosakkan martabat manusianya. Iqbāl menceritakan kejatuhan moral seseorang ibarat kambing yang dibaham harimau:

Ada sekumpulan kambing tinggal di satu padang

Mereka maju dan banyak

Hingga mereka tidak takutkan musuh?

Akhirnya, dari suratan takdir

Mereka dilanda duka nestapa

Harimau keluar dari hutan

Dan melanggar dan memakan mereka

.....

Kemerdekaan kambing itu mereka lucutkan

Mereka menjadi mangsa kepada harimau

Merahlah padang itu oleh darah kambing.²⁵

Kemusnahan manusia (imej kambing) berlaku apabila mereka sudah lupa kepada nikmat yang diberikan oleh Tuhan. Mereka lalai dan kelalaian itu menjadikan diri mereka rosak dan binasa. Ketiga-tiga tahap darjah jiwa tersebut menentukan sifat keperluan manusia. Jika darjah jiwa seseorang sejahtera, sifat diri itu akan memenuhi keperluan dirinya secara halal, tetapi yang berjiwa jahil akan mencari rezeki tanpa mengira sumbernya dan akhirnya kejahilan itu memakan dirinya sendiri seperti kemusnahan yang berlaku kepada sekumpulan kambing tadi.

Walau bagaimanapun, darjah jiwa manusia itu ditentukan oleh diri sendiri seperti firman Allah yang bermaksud, "*Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum, sebelum mereka sendiri mengubah diri mereka sendiri.*" (Surah al-Ra'd: 11).

DIRI: PENGALAMAN HIDUP

Ketika dilahirkan manusia dalam keadaan suci bersih. Semasa dalam pembesaran, manusia akan mengalami berbagai-bagai pengalaman yang terdiri daripada dua unsur, iaitu unsur *sensation* dan unsur *reflection*.²⁶

²⁵ *Ibid*, hal. 29.

²⁶ *Op.cit*, Mohd. Abu Bakar, hal. 13.

Unsur *sensation* diperolehi daripada pengalaman atau rangsangan dari luar manusia seperti melalui suara atau bau. Unsur *reflection* pula diperolehi daripada kesedaran dan pengetahuan akan pengalaman sesuatu *sensation* itu. Pergolakan jiwa tersusun daripada pengalaman-pengalaman tersebut lalu menggabungkan diri sehingga menjadi gejala jiwa yang lebih rumit.

Menurut Iqbāl, manusia akan mengalami tiga pengalaman di dalam hidupnya, iaitu pengalaman deria, pengalaman fikiran dan pengalaman intuisi.²⁷ Pengalaman deria terhad kepada pengetahuan tentang alam fizikal sahaja dan pengalaman ini tidak dapat mencapai pengetahuan tentang suatu alam yang lebih tinggi daripada alam yang kelihatan oleh deria kita. Manusia akan memperoleh pengalaman itu melalui deria dengar, deria rasa, dan deria lihat sebelum membuat *persepsi* mengikut apa yang dialaminya sahaja secara *cognitif* (keilmuan). Lalu pengalaman fikiran akan memikirkan sesuatu berdasarkan apa yang difikirkan akal semata-mata. Manusia membuat sangkaan dan khayalan serta tanggapan terhadap sesuatu berkonsepkan ego. Manusia membuat tanggapan bahawa Tuhan itu wujud melalui logik akal semata-mata setelah mengalami pengalaman deria tentang kewujudan bulan dan matahari, kejadian siang dan malam serta melihat tumbuh-tumbuhan yang melata.

Walau bagaimanapun pengalaman deria dan pengalaman fikiran hanya dapat melihat dan menanggapi sekadar alam yang kelihatan. Pengalaman intuisi pula memberi manusia satu jalan untuk memulakan penyelidikan yang bercorak akal fikiran dan pengalaman biasa. Jika pengalaman deria melihat dengan mata, maka pengalaman intuisi melihat dengan hati. Pandangan hati akan menembusi alam realiti hingga ke alam yang tertinggi untuk mencapai tahap mengenal diri yang hakiki seterusnya mengenal hakikat Allah:

Ia membuka alam fikiran. Seratus perkataan tersembunyi dalam patinya; mengisbatkan diri memperlihatkan bukan diri.²⁸

Secara umumnya manusia dari segi falsafah Iqbāl terbahagi kepada tiga golongan iaitu manusia umum, manusia ternama dan manusia zuhud.

- a) Manusia Umum, iaitu manusia ramai yang hidup untuk memperolehi kesenangan dirinya, cukup makan minum, dan inginkan keriangian sepanjang masa sehinggalah menemui ajal. Di kalangan manusia, ramai yang mempunyai nilai-nilai diri seperti ini. Mereka hidup untuk menunaikan kehidupannya sendiri, bekerja untuk menunaikan tuntutan fizikal dan mencari hiburan dengan bersosial untuk mencari ketenangan dan kesenangan hidup di dunia, di samping menunaikan kehendak dan tuntutan-tuntutan batin serta

²⁷ *Op.cit*, Ishrat Hasan Enver, hal. 9.

²⁸ *Op.cit*, Muḥammad Iqbāl, hal. 11.

tidak lupa mencari bekal pada hari akhirat.

- b) Manusia ternama hidupnya semata-mata untuk mencari kesenangan dan menjadi terkenal di kalangan masyarakat. Mereka rela berjuang untuk membela masyarakat dan untuk mendapatkan kepujian dan kedudukan. Manusia seperti ini biasanya akan sanggup membuat apa sahaja, asalkan keinginannya tercapai walaupun terpaksa menggadai maruah diri dan agama.
- c) Manusia zuhud ialah manusia yang hidupnya mendekatkan diri kepada kesempurnaan. Mereka bekerja dan berjuang bukan untuk kepentingan diri sendiri, tetapi untuk masyarakat dan agama. Mereka sanggup menempuh hidup di dalam kesengsaraan serta sabar menghadapi segala rintangan dan dugaan. Mereka rela dan reda terhadap apa yang dialaminya demi memperjuangkan yang hak untuk faedah dan kepentingan masyarakat dan agama.

Al-Qur'an menganggap kehidupan di dunia ini medan menguji seseorang manusia sebagai jalan mencapai kebahagiaan hidup di akhirat. Setiap tindakan dan perlakuan manusia, baik di rumah, di pejabat, di kedai, di jalan, di padang-padang, di lautan dan sebagainya, adalah ujian untuk manusia.

Allah mencabar manusia yang menyangka bahawa mereka sudah cukup menjadi orang yang beriman. Ujian dan cabaran itu dapat membongkar rahsia manusia yang sebenar sama ada dia benar atau dusta. Setiap manusia perlu mengakui dirinya sebagai seorang muslim dan melahirkan kesan-kesan pengajaran Islam tersebut sama ada semasa susah atau senang kerana kesusahan dan kesenangan itu antara ujian daripada Tuhan.

“Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cabaran (yang sebenar-benarnya) dan kepada Kami kamu dikembalikan.”
(Surah al-Anbiyā': ayat 35).

KESIMPULAN

Demikianlah diri manusia yang dijadikan Allah dengan segala sifat rasminya yang ada, ditentukan dan dibezakan manusia dengan segala makhluk yang lain. Dijadikan berbeza-beza sesama manusia dengan amalannya. Diciptakan manusia bersuku-suku dan berbangsa-bangsa untuk saling kenal-mengenal. Dijadikan sebagai manusia yang mempunyai tugas yang sama sebagai penyampai visi suci yang ditetapkan oleh Allah, sebagai hamba dan khalifah Allah, bahunya digariskan oleh beban nama yang lain.²⁹

²⁹ *Op.cit*, Muhammad Iqbāl, hal. 11.